

DAKWAH MELENTUR NALURI: PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM MELALUI PENULISAN KEMBARA (TRAVELOG)

Norzaliza Ghazali

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

E-mel: zaliza@uum.edu.my

Mohd Fauzwadi Bin Mat Ali

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

E-mel: fauzwadi@uum.edu.my

ABSTRAK

Sesebuah karya itu hadir sebagai suatu kewujudan atau entiti yang tersedia utuh bersandarkan kekuatan diri yang melibatkan rohani dan jasmani yang padanya teradun bahagian-bahagian yang terbentuk oleh persekitaran. Penulisan kembara penting sebagai salah satu wadah dalam membentuk personaliti seseorang. Sehubungan itu, dengan terhasilnya penulisan kembara (travelog) yang merupakan sebuah karya kreatif dapat memberi kesan kepada khalayak pembaca. Travelog ini dapat membantu dalam menerapkan nilai-nilai Islam terutama kepada generasi muda. Masalah gejala sosial yang melibatkan golongan remaja dengan budaya lepak, mencuri, dadah dan perlakuan yang bertentangan nilai-nilai Islam sering dipaparkan setiap hari menerusi akhbar, berita dan media sosial lainnya. Hal ini membimbangkan dan memberi gambaran ketandusan nilai-nilai Islam dalam kalangan generasi muda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, analisis kandungan untuk melihat nilai-nilai Islam dalam karya-karya travelog terpilih. Hasil analisis menunjukkan bahawa penulisan kembara (travelog) mampu menerapkan nilai-nilai Islam yang berteraskan nilai asas (akidah), nilai teras (syariah), nilai utama (akhlak) dan nilai tambahan (pendidikan) yang dapat meningkatkan tahap motivasi generasi muda dalam pembentukan personaliti Islam yang unggul.

Kata kunci: Penulisan kreatif; travelog; dakwah dan nilai-nilai Islam.

1. PENGENALAN

“Bila mana anda mengembara, lihatlah dengan mata hati bukan dengan hawa nafsu. Yakinlah bahawa Allah SWT ingin mentarbiah anda melalui pengambaraan ini.”

Pengembaraan bukan suatu aktiviti yang baharu dalam masyarakat manusia. Sejak dahulu lagi, penghijrahan manusia dari tempat asal telah pun berlaku atas desakan seperti peperangan, politik, perdagangan dan pencarian punca rezeki. Dalam tamadun Islam, perjalanan Ibn Battuta dan Ibn Jubayr telah dicatat dalam *Rihlah Ibn Battuta* dan *Rihlah Ibn Jubayr* yang menjadi rujukan para sarjana sehingga hari ini. Hal ini turut diwakili *The Travels of Marco Polo* dalam masyarakat Eropah. Di Alam Melayu pula, pengembaraan tokoh telah diabadikan secara lisan dan disampaikan daripada satu generasi kepada generasi yang lain melalui cerita penglipur lara dan hikayat. Sebahagiannya dirakamkan dalam bentuk teks, termasuk *Pelayaran Panglima Hitam* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*. Masyarakat sastera antarabangsa juga menyaksikan kelahiran tokoh dan karya hebat kesan penghijrahan dari negara asal termasuk Mahmoud Darwish, Joseph Brodsky, Ivan Bunin. Terdapat beberapa karya kembara terawal yang telah membina tamadun kesusasteraan bangsa sehingga pengaruhnya masih diagungkan sehingga kini.

Penulisan kembara (travelog) adalah salah satu genre dalam sastera yang merangkumi penulisan perjalanan, pelancongan ataupun buku panduan. Kembara merupakan satu naluri asas manusia. Sesetengah pengembara yang peka dan mempunyai fikiran yang tersusun serta keupayaan untuk membuat pemerhatian yang teliti telah mendorong kepada wujudnya penulisan kembara (Ahmad Fouad bin Abd Mubin, 2019)

Nisah Haji Haron (2015) menyatakan bahawa rangka karya kembara sastera itu wajar dianyam dengan seni bercerita antara fakta dan kreativiti, unsur-unsur dramatik, emosi serta pemikiran. Hal-hal seperti seni bercerita, unsur dramatik, emosi dan pemikiran yang digaulkan dalam penulisan pengembaraan sudah memadai mengangkat sesuatu karya itu sebagai sebuah penghasilan dalam bentuk sastera dan bukan laporan pengembaraan atau catatan perjalanan.


Abdul Rahman (2007) memperkatakan bahawa sastera kembara sebagai penulisan yang mempunyai nilai sastera. Ia bukan sekadar catatan perjalanan biasa tetapi merupakan penulisan yang mengandungi unsur-unsur sastera. Hal ini termasuk naratif yang koheren, pemerhatian yang terperinci, wujud suasana atau mood yang sesuai dengan tempat yang dilukiskan serta bahasa yang segar dan mempesonakan. Dengan perkataan lain, penulisan yang diklasifikasikan sebagai sastera kembara bukan catatan jurnal yang hanya mengandungi tarikh dan peristiwa, tetapi penulisan yang berjaya membawa pembaca menghayati dengan lebih mendalam binaan naratifnya.

Konsep nilai dalam budaya Islam merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber dan panduan. Mohd Mizan Mohd Aslam (2020) menyatakan bahawa Islam adalah agama yang syumul dengan meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, politik, kemasyarakatan, kesihatan, kebudayaan, bahasa, seni, pengetahuan, hubungan antarabangsa, alam sekitar, falsafah, sains, undang-undang dan sebagainya. Nik Azis Nik Pa (1994) menyatakan bahawa nilai yang mutlak dalam Islam mengandungi beberapa sub-nilai yang terdiri sebagai Nilai Asas (Akidah), Nilai Teras (Syariah), Nilai Utama (Akhlak) dan Nilai Tambahan (Pendidikan).

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif. Sebanyak empat (4) travelog yang terpilih iaitu:

- (a) Travelog Haji Mengubah Sempadan (2008), Muhd Kamil Ibrahim
- (b) Travelog Ustazah Basikal Jilid 1 (2023), Ahmad Isa
- (c) Travelog Ustazah Basikal Jilid 2 (2023), Ahmad Isa
- (d) Travelog Aku, Kembara dan London (2021), Ruzain Syukur Mansor





Rajah 1: Travelog kajian

2. PERBINCANGAN

Yusof Al-Qardhawi (2015) menyatakan bahawa dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah S.W.T dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini. Selain itu, dakwah mengajak kepada menundukkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat setia hanya kepada Allah S.W.T, seterusnya melepaskan diri dari segala kongkongan selain dari Allah S.W.T iaitu taghut, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah S.W.T, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah S.W.T, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad pada jalan-Nya. Firman Allah S.W.T :

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang berjaya.

Surah Ali-Imran (3) : 104

Matlamat dakwah ialah memastikan seluruh manusia mengikuti jalan yang ditetapkan dan diredhai oleh Allah S.W.T. Abdul Aziz Mohd Zin (1997) merumuskan matlamat dakwah kepada beberapa peringkat iaitu :

1. Membawa kepada Islam bagi orang yang belum Islam
2. Mempertingkatkan mutu kefahaman dan penghayatan Islam bagi orang Islam untuk melahirkan kekuatan kepada mereka.
3. Menirikan sebuah negara yang diredhai
4. Menuju keselamatan dan kebahagiaan.
5. Mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Sehubungan dengan itu, strategi dakwah hari ini perlu bergerak untuk membina kekuatan, yang paling utamanya ialah kekuatan kepercayaan untuk menuju kepada suatu hala tuju, kekuatan ketahanan diri untuk menghadapi sebarang halangan, kekuatan jihad dan pengorbanan untuk terus berusaha dan bergerak bagi mencapai matlamat serta kekuatan ukhuwwah untuk tidak boleh dipecah-pecahkan. (Abdul Aziz Mohd Zin, 1997). Travelog juga berperanan dalam mendidik jiwa-jiwa anak muda agar

sentiasa beriman kepada Allah S.W.T dengan mengamalkan nilai-nilai Islam. Berikut merupakan antara nilai-nilai Islam yang boleh didapati dalam travelog yang dikaji.

Jadual 1: Travelog Haji Mengubah Sempadan (2008)

Teori travel writing	Nilai-nilai Islam	Petikan dalam travelog
Pengalaman peribadi	Nilai Asas (Akidah)	Itulah perasaan yang menusuk kalbu. Entah. Benar ataupun tidak seluruh tubuh merasai kenikmatan bertaubat terutamanya ketika air mata membasahi pipi. Seolah-olah wujud satu vakum antara hari dengan persekitaran. Ia satu perasaan yang luar biasa. Jika benar taubat itu diterima maka bukankah ada logiknya yang saya ibarat bayi yang suci? (hlm. 47)
Refleksi dan makna	Nilai Asas (Akidah)	Ubat itu benar-benar membantu. Dia lega dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Azlina. Pertolongan sekecil itu sebenarnya memberikan perasaan betapa besarnya kekuasaan Allah (hlm. 109)

Jadual 2: Travelog Ustazah Basikal, Jilid 1(2023)

Teori travel writing	Nilai-nilai Islam	Petikan dalam travelog
Representasi tempat	Nilai Teras (Syariah)	Alhamdulillah, di tengah-tengah pulau Phi Phi yang penuh dengan maksiat ini, masih ada lagi orang Islam yang menghidupkan usaha mengaji al-Quran (hlm. 21)
Interaksi dengan budaya tempatan	Nilai Utama (Akhlak)	<i>“Meng ngendi-ngendi nang template wong, niatna arek ngubungna silaturahmi kerana Allah Taala”</i> (Nak ke mana-mana tu, kat tempat orang nanti, niatkan supaya dapat hubungkan silaturahmi kerana Allah Taala) (hlm. 126)

Jadual 3: Travelog Ustazah Basikal, Jilid 2(2023)

Teori travel writing	Nilai-nilai Islam	Petikan dalam travelog
Pengalaman peribadi	Nilai Asas (Akidah)	Betul ke jalan yang kita lalu ni bang? Makin lama jalan makin sempit ni,” Adilah mula rasa tidak selesa. “Betullah ni. Google suruh lalu sini. Takkan Google tipu kut” rasa bersalah pula aku bila bergantung sepenuhnya pada Google ni. Astaghfirullahalazim...sepatutnya aku minta bantuan daripada Allah, bukan Google (hlm. 30)
		Dalam pengembaraan, kami banyak mengutamakan gerak hati dan tidak bergantung kepada logik akal semata-mata. Sebabnya, setiap kali kami solat, kami membaca al-fatihah. Dalam surah al-fatihah ada ayat yang bermaksud, Tunjukilah kami jalan yang lurus (hlm. 75).

Kami yakin, Allah Yang Maha Bijaksana telah mengatur semuanya dan memberi petunjuk kepada kami apabila kami serahkan keputusan 100% kepada Allah SWT. Kami yakin, Allah SWT pasti membawa kami ke jalan yang lurus (hlm. 76)

Jadual 4: Travelog Aku, Kembara dan London (2021)

Teori travel writing	Nilai-nilai Islam	Petikan dalam travelog
Pengalaman peribadi	Nilai Asas (Akidah)	Catatlah bicara hati dengan aksara. Berjalanlah di muka bumi Allah SWT, lihatlah dengan mata hati. Tanda hamba tunduk kepada kuasa Pencipta (hlm. 11)
	Nilai Asas (Akidah)	Ya Allah, berikan kekuatan dalam mempertahankan Islam sebagai agama keamanan. Perkukuhkan imanku agar tetap akidah pada Yang Satu. Kurniakan rasa kasih dan sayang sesama manusia agar suka membantu. Agar terbina rasa jiwa hamba tunduk dan patuh kepada Yang Esa”. Ia kerusi empuk, kerusi panas yang menjadi tempat untuk orang yang benar-benar mahu bekerja. Amanahnya besar, setinggi Gunung Himalaya (hlm. 33)
Representasi tempat	Nilai Teras (Syariah)	Kewujudan masjid dan pusat-pusat Islam sekitar Britain menjadi pengubat kepada konflik identiti dan agama. Sistem pendidikan agama ala madrasah di masjid-masjid, memberi ruang untuk pendidikan Islam terus bertapak mengekalkan jati diri dan identiti penganut Islam. Komuniti memerlukan perubahan dalam pengurusan masjid, dengan melibatkan ulama serta idea orang muda bagi membentuk kedinamikan hidup beragama (hlm. 45)

Travelog Haji Mengubah Sempadan (2008) memfokuskan pengalaman peribadi penulis semasa menunaikan haji dan mendidik jiwa agar tunduk dan patuh kepada Allah S.W.T. Nilai asas (akidah) menjadi keutamaan penulis dalam memberi penekanan bahawa perjalanan haji adalah kemuncak ketakwaan seorang hamba terhadap Penciptanya. Ibadah haji merupakan penyerahan jiwa seseorang hamba kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya di dalam ibadat haji terkandung kenikmatan dan kerahmatan dari Allah S.W.T yang tidak ternilai banyaknya. Selain itu, nilai-nilai Islam yang terkandung dalam travelog ini juga merangkumi beberapa aspek kehidupan masyarakat yang ada hubungan langsung antara manusia sebagai individu dengan kewajipan yang harus ditunaikan kepada Allah S.W.T sebagai pencipta.

Manakala Travelog Ustazah Basikal, Jilid 1 & 2 (2023) sebagai sumber ilmu pengetahuan. Ilmu dunia dan akhirat yang dapat membentuk jiwa dan rohani serta mendorong masyarakat agar lebih bersikap dinamik dan memiliki kecenderungan membina nilai-nilai Islam. Dalam hal ini, penulis menasihati agar sentiasa membetulkan niat kerana Allah S.W.T dalam melaksanakan sesuatu perkara. Dengan itu, yakin bahawa Allah S.W.T akan sentiasa melindungi kita terutamanya apabila mengembara ke tempat asing. Selain itu, sentiasa berinteraksi dengan budaya tempatan antaranya mempelajari bahasa mereka. Penulis juga mengambil peluang berdakwah dengan mengajar Al-Quran. Sesungguhnya, Al-Quran adalah sumber ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu sehingga terbentuk satu prinsip kerukunan hidup yang serba lengkap di dunia dan akhirat.

Dalam Travelog Aku, Kembara dan London (2021) membicarakan pengalaman kehidupan penulis sepanjang bertugas sebagai Atase Pendidikan Bimbingan Agama dan Kaunseling di Education Malaysia United Kingdom dan Ireland yang berpangkalan di London. Nilai akidah menjadi fokus utama apabila berada di negara asing. Namun, di kota London, masyarakat Islam diraikan dengan baik. Penulis juga menceritakan tanggungjawabnya sangat berat, namun atas persaudaraan Islam yang kuat, segala masalah dapat diselesaikan dengan cara yang baik. Nilai-nilai Islam banyak dilaksanakan di kota London. Apabila melakukan perjalanan ke sesuatu tempat, kelainan gaya hidup masyarakat merupakan sesuatu yang menarik untuk dilihat dan dipelajari. Penulisan sastera kembara, buku travelog ini memperlihatkan kegiatan dakwah yang banyak dilakukan di London yang boleh diikuti oleh generasi muda.

3. KESIMPULAN

Karya kreatif yang baik pasti memberikan kesan yang lebih unggul kepada jiwa pembaca kerana penulis bijak menulis dengan kreatif dalam mempersembahkan landasan karyanya. Penulisan travelog wajar dianyam dengan seni bercerita antara fakta dan kreativiti, unsur-unsur dramatik, emosi serta pemikiran. Dalam hal ini, travelog yang dibincangkan sarat dengan nasihat dan nilai-nilai Islam, pengalaman kejadian, maklumat dan perincian perjalanan yang diselit dengan motivasi dah dakwah. Ini secara tidak langsung mampu memberi kesan yang positif kepada masyarakat khususnya generasi muda dalam membina personaliti unggul agar menjadi manusia yang berilmu dan berkualiti di dunia dan di akhirat. Selain itu, penulisan kembara (travelog) memberikan pengalaman yang hidup, segar dan bermakna bagi melihat dunia sebenar kedudukan bangsa-bangsa di dunia ini. Melalui travelog yang dikaji, nilai-nilai Islam dapat dimanfaatkan dalam meneruskan kelangsungan hidup di zaman yang serba mencabar ini.

4. PENGHARGAAN

Penyelidikan ini mendapat dana Geran Universiti (Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kod S/0 21405)

5. RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zain. (1997). *Al-Quran dan mesej kesejahteraan sejagat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Aziz Mohd Zain. (2003). *Pengantar dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (2007). *Berdakwah dengan efektif*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Nakhaie Ahmad. (2001). *Pendakwah dan pembentukan masyarakat bertamadun*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Zulkifli Abd. Ghani. (2004). Kepentingan golongan tekno-da'I dalam penyebaran dakwah. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 19, 171-184.
- Zulkifli Abd. Ghani. (2010). *Dakwah dalam era siber di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia: Bandar Baru Nilai.